

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Gambar merupakan salah satu unsur penting dalam reka letak **sesebuah** penerbitan, sama ada majalah ataupun akhbar. Selain kandungan, susunan isi **dan** tajuk atau kepala akhbar (masthead), penggunaan gambar sebagai ilustrasi **dalam** majalah dan akhbar boleh menjadi ‘pusat perhatian’ atau ‘pencetus perasaan’ (Ian Bradshaw:1986). Menurut Kamus Dewan (1984:310) gambar ialah “**lukisan atau** foto iaitu imej-imej penglihatan atau penampakan yang dapat memberi penerangan atau bukti terhadap sesuatu kenyataan”. Sebagai imej visual, **gambar** amat penting dalam dunia kewartawanan foto kerana kemampuannya mengabadikan detik peristiwa dalam bentuk gambar foto, dokumentasi, ulasan dan interpretasi kepada gaya dan tingkah laku manusia hasil gabungan **antara** media komunikasi perkataan dan media komunikasi visual. (Ian Bradshaw:1986)

Penggunaan gambar dalam media cetak memainkan peranan penting **dan** mampu mempengaruhi corak hidup masyarakat dan ia memberi kesan **yang** mendalam dalam pemikiran seseorang (Nayan Ahmad: 1993). Perubahan **zaman** ‘penglipur lara’ kepada dunia globalisasi telah memaksa seluruh **masyarakat** berfikiran selari dengan perkembangan teknologi Internet dan multimedia **yang**

mengutamakan elemen-elemen visual juga meningkatkan kepentingan gambar dalam media tradisional.

Sesungguhnya pengaruh fotografi begitu luas. Walau bagaimanapun, jika kita telah menyedari betapa pentingnya fotografi kepada tamadun zaman ini (zaman visual), kita telah bermula dengan langkah yang cukup teguh dan positif ke arah memahami peranan gambar foto dalam hidup kita, sama ada hidup sebagai penyampai mesej fotografi atau penerima. (Nayan Ahmad:1993)

Mengapa dan bagaimanakah fotografi berkemampuan sedemikian? Banyak faktor datang dari diri kita sendiri sebagai pemerhati dan penonton gerak laku manusia. Pertama sekali kebanyakan kita lebih senang bertindakbalas kepada rangsangan dari imej atau lambang yang jelas dan nyata tanpa menyadarinya. Gambar yang lengkap dengan berbagai warna selalunya mencetuskan suasana yang kemudian diperhebatkan pula dengan perkataan yang sesuai. Faktor kedua ialah komunikasi fotografi itu sendiri merupakan media komunikasi yang teguh dan unik berbanding dengan media komunikasi yang lain. (Tom Ang:1996)

Dalam komunikasi fotografi atau gambar, sesuatu subjek itu dengan mudah sahaja dapat dibentangkan dari berbagai sudut dan perspektif. Jika dikehendaki, sesuatu subjek boleh diperlihatkan dari dekat, jauh, atas, bawah ataupun dari dalam. Malahan, perkara yang sehalus-halusnya dari dalam sel manusia dapat ditunjukkan untuk tontonan ramai. Melalui fotografi, sesuatu subjek itu boleh dipisahkan. Kemudian, setiap bahagian kecilnya diperlihatkan

dengan lebih jelas satu persatu.

Kita juga boleh memberikan penekanan yang dikehendaki bagi sesuatu mesej fotografi secara lebih pantas dengan cara memutaralih skel tonnya, pengawal warnanya, penentuan jarak ruang tajamnya dengan pemilihan fokusnya yang khusus. Semua ini boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah fotografi. Kemampuan memberi penekanan ini seolah-olah seperti dalam penggunaan bahasa bertulis, yang memerlukan kekuatan dan kemahiran dalam penggunaan bahasa kita. Walau bagaimanapun, proses penanggapannya seringkali lambat jika dibandingkan antara kedua-duanya. Sungguhpun begitu, bahasa mempunyai kekuatannya tersendiri. (Brian Ceo: 1976).

Antara sebab yang lain ialah fotografi dapat memberi implikasi bahawa kita dapat mengawal masa berlakunya sesuatu peristiwa. Dengan menggunakan teknik yang tertentu, sesuatu gambar foto dapat “memanjangkan” atau “memendekkan” masa peristiwa tersebut hingga kepada sesuatunya had tertentu. Misalnya, pergerakan tangan atau kaki seorang penari dapat ditunjukkan dengan jelas selama beberapa saat dalam sekeping gambar dengan menggunakan lampu strob. Sebaliknya gerak-geri ini juga dapat dipendekkan (Ian Bradshaw:1986).

Akhir sekali, apa yang dianggap teguh dan unik sekali dalam fotografi, terutamanya kewartawanan foto ialah kemampuannya mengabadikan detik peristiwa. Berjuta macam detik peristiwa dan kejadian berlaku setiap hari. Melalui fotografi, secebis darinya boleh dipetik dan dikenalkan dalam bentuk gambar foto untuk disimpan sebagai satu dokumen sejarah manusia selama

diingini. Mengikut Cartier Breson, seorang wartawan foto Perancis, “detik penentuan” inilah yang dianggap sebagai perkara yang terpenting dalam fenomena wujudnya proses fotografi hingga kini (Ian Bradshaw:1986).

Zaman visual ini telah lama bermula tanpa kita sedari. Kesannya ke atas kita sudah banyak ternyata dan akan terus berlanjutan. Baik atau buruknya kesan ini sukar dipastikan sekarang, cuma kita tahu bahawa proses komunikasi manusia menjadi semakin pantas. Masanya mungkin akan tiba apabila manusia menggunakan kamera untuk berkomunikasi lebih daripada bercakap dan menulis.

Dalam kajian kali ini yang bertajuk “Panduan Penyiaran Gambar Dalam Majalah Dan Akhbar di Malaysia”, penulis akan memberi tumpuan dan penekanan kepada penggunaan garis panduan penyiaran gambar dalam majalah dan akhbar yang dikeluarkan oleh Unit Kawalan Penerbitan, Kementerian Dalam Negeri (KDN).

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan penyelidikan ini adalah:

- a) Menghuraikan garis panduan tentang penyiaran gambar dalam majalah dan akhbar di Malaysia;
- b) Menilai pelaksanaan dan penguatkuasaan terhadap garis panduan penyiaran gambar dalam majalah dan akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri;
- c) Mengetahui peranan dan tanggungjawab Unit Kawalan Penerbitan,

Kementerian Dalam Negeri, dalam konteks penerbitan gambar;

- d) Menilai sikap atau pendapat editor, penerbit dan wartawan terhadap garis panduan penyiaran gambar.

1.3 KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif. Kaedah penyelidikan deskriptif diuraikan oleh Gall, Borg dan Gall (1996) sebagai yang paling asas dalam penyelidikan kuantitatif. Dua jenis utama penyelidikan deskriptif adalah kajian tinjauan dan korelasi. Kajian kes dan kajian bandingan sebab-akibat juga kaedah deskriptif. Penyelidikan deskriptif merupakan pernyataan yang jelas mengenai ‘apa dia’ adalah satu prasyarat penting untuk memahami ‘mengapa dia sedemikian’ (Allison et.al: 1997). Penyelidikan deskriptif berusaha mencari penghuraian yang tepat dan cukup mengenai aktiviti, objek, proses dan manusia atau insan. Dalam konteks ini, penyelidikan deskriptif melibatkan huraian deskriptif terhadap garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, dan apakah implikasi kepada pelaksanaan kuatkuasa serta bagaimana respon pihak yang terlibat, khususnya pengamal media.

1.3.1 Kaedah pengutipan data

Segala maklumat dan data yang relevan untuk kajian ini diperolehi melalui dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder iaitu:

a) Analisis Dokumen-dokumen Kementerian Dalam Negeri

Pengkaji telah membuat rujukan khusus terhadap dokumen-dokumen yang

terdapat di Unit Kawalan Penerbitan, Kementerian Dalam Negeri, untuk mendapatkan maklumat tentang panduan penyiaran gambar, peranan KDN, akta-akta yang berkaitan serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Berikut adalah dokumen-dokumen yang berkaitan dengan penyelidikan yang telah diperolehi oleh pengkaji semasa membuat kajian di Unit Kawalan Penerbitan, KDN. Segala maklumat berkenaan (seperti tersenarai di bawah) telah diberikan oleh Encik Tan You Huat, Penolong Pegawai Penerbitan, Unit Kawalan Penerbitan, KDN dan Yang Mulia Tengku Mahmud Tengku Ismail, Setiausaha Bahagian ‘C’, KDN (sesi 2001). Dokumen yang dimaksudkan ialah:

- a) Tujuan/Matlamat Akta 301, Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987
- b) Definisi Akhbar dan Penerbitan mengikut Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984
- c) Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987
- d) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Akta 82)
- e) Akta Hasutan 1948
- f) Kanun Kesiksaan
- g) Akta Kastam 1967 (Disemak 1980) Akta 235
- h) Garis Panduan Penerbitan Tak Diingini
- i) Bahan-bahan yang dikehendaki diberi perhatian semasa memeriksa penerbitan-penerbitan dari luar negara.
- j) Bahan-bahan yang dikehendaki diberi perhatian semasa memeriksa

penerbitan-penerbitan tempatan.

- k) Bahan-bahan yang diberi perhatian semasa memeriksa akhbar.
- l) Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam.
- m) Garis panduan bagi menentukan bahan-bahan yang diterbitkan dalam media massa di Malaysia yang berkaitan dengan agama Islam.
- n) Penggunaan istilah/perkataan yang digunakan dalam penerbitan agama Kristian berbahasa Malaysia
- o) Syarat-syarat lesen mesin cetak
- p) Syarat-syarat tambahan permit KDN
- q) Syarat-syarat permit.
- r) Syarat-syarat permit Singapura.
- s) Bayaran bagi permit penerbitan mengikut kategori
- t) Carta Organisasi Kementerian Dalam Negeri
- u) Carta Organisasi Bahagian ‘C’ Kementerian Dalam Negeri.

Kajian ini juga merujuk kepada senarai rekod pembatalan permit majalah-majalah dan akhbar berkenaan yang disimpan oleh Unit Kawalan Penerbitan, KDN. Penulis juga turut melihat pencapaian pelaksanaan program dan aktiviti tahun 1998 dan perancangan program dan aktiviti bagi tahun 2000, khususnya perangkaan bagi tindakan yang telah diambil terhadap penerbitan berunsur negatif yang diterbitkan dalam negara (termasuk penerbitan Singapura yang diedarkan di Malaysia tahun 1998).

b) Kajian Melalui Temubual

Pengkaji membuat temubual dengan beberapa individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang tugas penerbitan iaitu Pegawai Penerbitan di Unit Kawalan Penerbitan Bahagian ‘C’, Kementerian Dalam Negeri dan para pengamal media yang terdiri dari penerbit, editor dan wartawan.

Di Kementerian Dalam Negeri, penulis telah menemubual Encik Tan You Huat, Penolong Pegawai Penerbitan, Unit Kawalan Penerbitan, KDN dan Yang Mulia Tengku Mahmud Tengku Ismail, Setiausaha Bahagian ‘C’, KDN (Sesi 2001) untuk mendapatkan penjelasan mengenai panduan penyiaran gambar dalam majalah dan akhbar di Malaysia, latar belakang, peranan dan aktiviti Unit Kawalan Penerbitan, KDN.

Pengkaji turut menemubual Datin Siti Maryam Ibrahim, Penerbit dan Pengarang Majalah *Perempuan*, Cik Rohani Pawanchik, Pengarang Majalah *Jelita*, Puan Sri Diah, Editor Kanan Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd, Encik Abdul Jalil Ali, Ketua Editor Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd, Puan Mazimah Kassim, Editor Majalah *Mingguan Famili*, Puan Nora Hazlin Isa, wartawan Majalah *Perempuan*, Puan Hasnita Sawal, wartawan Majalah *Nona*, Puan Ezatul Syima, wartawan Majalah *Remaja*, Encik Kamal Sulaiman, wartawan Majalah *Maskulin*, Encik Jamillul Anbia Md Denin, wartawan akhbar *Harian Metro*, Cik Alisa Ali, wartawan akhbar *Mingguan Malaysia*, Cik Ann Fernandez, wartawan akhbar *The Star*, Cik Maizatul Akma Dahari, wartawan majalah *Mangga*, Encik Abdul Rahim Midon, jurugambar majalah *Perempuan*, Encik Badrul Hafidz Basir,

Ketua Jurugambar majalah *Perempuan* dan beberapa individu lain yang terlibat dalam penerbitan majalah dan akhbar.

c) Kajian Melalui Soal Selidik

Pengkaji telah merangka instrumen untuk mendapatkan respons mengenai panduan penyiaran gambar daripada 20 orang pengamal media terdiri daripada penerbit, pengarang dan wartawan majalah dan akhbar tempatan. Instrumen soal selidik (rujuk Lampiran 3) tersebut mengandungi 18 soalan iaitu sembilan soalan tertutup (pilihan jawapan A, B, C) dan sembilan soalan terbuka.

Dalam soalan tertutup, pengkaji ingin melihat sejauh mana pengetahuan pengamal mediaterhadap panduan penyiaran gambar, bagaimanakahkeakuruan mereka terhadap panduan tersebut dan apakah pandangan mereka terhadap panduan serta amalan media yang berkaitan dengan pandangan tersebut. Tujuan pengkaji mengemukakan soalan berbentuk terbuka adalah untuk memberi peluang yang luas kepada responden menyatakan pendapat dan cadangan mereka terhadap isu yang dibincangkan. Pengkaji membahagikan analisis kepada tiga bahagian iaitu tahap pengetahuan tentang Garis Panduan, sikap terhadap Garis Panduan dan Penggunaan Garis Panduan. Antara soalan-soalan yang dikemukakan (Lampiran 3) adalah sama ada responden menggunakan mana-mana garis panduan dalam penulisan dan penyiaran gambar dan adakah mereka mengetahui kewujudan garis panduan penyiaran gambar dalam majalah dan akhbar di Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

(d) Kajian melalui penyertaan secara langsung melalui tugas sebagai wartawan

Pengkaji mengikuti kerja-kerja pengeditan bahan di beberapa syarikat penerbitan majalah hiburan dan wanita yang terpilih iaitu majalah Perempuan, majalah Nona, Remaja dan akhbar Warta Perdana. Selain itu, pengkaji melihat sendiri kerja-kerja perolehan bahan dan pengeditan bahan dijalankan secara praktikal untuk memberikan gambaran sebenar tentang proses pengeditan bahan bergambar yang terdapat di Unit Kawalan Penerbitan, KDN di bawah penyeliaan Encik Tan You Huat, Pegawai Penerbitan.

Bagi mengesan amalan penyiaran gambar, maka pengkaji membuat rujukan terhadap kandungan majalah-majalah wanita dan hiburan serta akhbar terpilih untuk mengenalpasti sejauh mana pelanggaran wujud dalam akhbar tersebut.

Pengkaji turut mengikuti Seminar Kebangsaan Editor-Editor Wanita anjuran Utusan Malaysia Berhad di Istana Hotel selama 2 hari pada 16-17 Ogos 2001 untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan industri penerbitan di Malaysia. Antara kandungan seminar itu ialah pembentangan kertas kerja oleh ahli panel mengenai Peranan Editor Wanita, Diskriminasi Iklan Dalam Majalah Bahasa Melayu dan Peranan KDN.

e) Kajian Perpustakaan

Kaedah seterusnya yang pengkaji gunakan ialah kaedah kajian perpustakaan. Kajian dibuat terhadap bahan bercetak yang ada dalam bentuk buku atau bahan stensilan. Bahan-bahan ini menjadi panduan kepada pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang lebih terperinci tentang pelanggaran garis panduan gambar, eksplorasi wanita dalam majalah dan sensitiviti KDN serta peranan pengamal media tempatan.

Pengkaji telah membuat pencarian bahan dan maklumat antaranya di Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan di Universiti Malaya, Perpustakaan di UiTM, Shah Alam, Perpustakaan UKM, Bangi, dan Mini Perpustakaan Unit Kawalan Penerbitan, KDN, Putrajaya.

Pengkaji juga telah meneliti akhbar-akhbar dalam negara seperti *Warta Perdana, Harian Metro, Metro Ahad, Utusan Malaysia, Berita Harian, The Star, The Sun, dan New Straits Times*. Antara majalah-majalah yang pengkaji jadikan sumber rujukan ialah majalah *Cleo, Her World, Remaja, Wanita, Jelita, Bomoh, Perempuan, Perkahwinan, Suri, Nona, Keluarga, Mastika, Dara, Gadis* dan beberapa lagi.

Pengkaji juga mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan segmen kajian daripada sumber Internet seperti laman web KDN, laman web Majalah .com., laman web akhbar-akhbar di Malaysia seperti E-Media. Pengkaji juga membuat pencarian maklumat melalui Internet untuk mendapatkan artikel berkaitan fungsi dan penggunaan gambar serta buku-buku yang berkaitan dengan

sejarah fotografi. Penulis juga mendapatkan sumber penyelidikan daripada tesis, kertas projek dan kertas seminar yang banyak memberikan pengetahuan serta manfaat terhadap kajian ini.